


BADAN BULAN SABIT MERAH
MALAYSIA
- BBSM -

NAMA : _____

KELAS : _____

KUMPULAN : _____

BIODATA DIRI



NAMA : _____

KELAS : _____

KUMPULAN : _____

ALAMAT : _____

NO. TEL : _____


HOBİ : _____

CITA-CITA : _____

MOTTO : _____

LOGO

BADAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA



"KEAMANAN MELALUI KEMANUSIAAN"

"PER HUMANITATEM AD PACEM"

IKRAR BULAN SABIT MERAH MALAYSIA

``Bahawa kami / ahli Bulan Sabit Merah Malaysia berikrar / taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia / Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong / dan pemerintah-pemerintah di negeri kami / berdasarkan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.

Bahawa kami berikrar / akan sentiasa patuh kepada Perlembagaan / dan Undang-undang Bulan Sabit Merah Malaysia / dan Undang-undang yang lain / dan arahan walaupun di mana jua kami berada.

Bahawa kami berikrar / akan sentiasa memberi khidmat sukarela kami / kepada mereka yang sakit dan menderita / diwaktu aman dan bencana / berdasarkan kepada prinsip Bulan Sabit Merah Malaysia / seperti:


KEMANUSIAAN / KESAKSAMAAN / BERKECUALI / KEBEBASAN / KHIDMAT
SUKARELA / KETUNGGALAN / KESEJAGATAN

7 PRINSIP ASAS

Kemanusiaan
(Humanity)



Sukarela
(Voluntary
Service)



Kesaksamaan
(Impartiality)



Bersatu
(Unity)



Berkecuali
(Neutrality)



Kesejagatan
(Universality)



Kebebasan
(Independence)



LUKIS PETA BUIH

Prinsip-prinsip Bulan Sabit Merah

Kemanusiaan

Untuk berusaha mencegah dan meringankan kesengsaraan, melindungi nyawa dan kesihatan, serta menentukan penghormatan sesama manusia. Ia memupuk kesefahaman, kesahabatan, kerjasama dan kedamaian yang kekal antara manusia.

Saksama

Tidak membezakan bangsa, kaum, agama, darjat atau pendapat politik dalam kegiatannya. Tujuan asasnya ialah meringankan kesengsaraan individu dan mengutamakan bantuan.

Berkecuali

Untuk mempertahankan kepercayaan yang terletak padanya. Persatuan tidak menyebelahi mana-mana pihak yang bermusuhan dan tidak menyertai pertikaian yang bercorak politik, perkauman, agama atau ideologi.

Kebebasan

Walaupun berupa badan tambahan kepada pihak yang berkuasa awam dan tertakluk kepada undang-undang negaranya. Persatuan tetap menjaga kebebasannya dalam segala tindakannya yang berasaskan perikemanusiaan.

Khidmat Sukarela

Badan sukarela yang tidak didorong oleh sebarang tujuan mencari keuntungan.

Bersatu

Hanya ada satu sahaja Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah dalam sesebuah negara. Persatuan ini hendaklah terbuka kepada semua pihak dan aktivitiinya meliputi seluruh negara.

Kesejagatan

Gerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah meliputi seluruh dunia. Semua persatuan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa mempunyai taraf dan tanggungjawab yang sama iaitu membantu satu sama lain.

Sejarah Persatuan Bulan Sabit Merah.

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia ialah satu pertubuhan sukarela yang ditubuhkan pada tahun 1948. Persatuan ini diiktiraf kerajaan Malaysia pada tahun 1957 dan Persatuan Palang Merah Antarabangsa pada tahun 1963.



Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) ditubuhkan pada tahun 1948 sebagai cawangan Persatuan Palang Merah Britain di Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1950an, lebih banyak cawangan persatuan ditubuhkan di Malaysia bermula di Pulau Pinang pada tahun 1950 dan kemudian di negeri-negeri lain.

Ketika kemerdekaan pada tahun 1957, cawangan di Semenanjung Malaysia dikenali sebagai Persatuan Palang Merah Persekutuan Tanah Melayu. Persatuan mendapat pengiktirafan oleh Persatuan Palang Merah Antarabangsa pada 4 Julai 1963 dan menjadi ahli badan antarabangsa itu pada 24 Ogos 1963.



PAKAIAN AHLI BULAN SABIT MERAH MALAYSIA



Pertolongan cemas ialah bantuan segera atau rawatan kecemasan yang diberikan untuk orang yang tercedera sebelum mendapatkan bantuan atau perawat yang bertauliah. Ia biasanya terdiri dari satu siri teknik yang boleh dilakukan, walaupun tanpa latihan perubatan, oleh hampir semua orang dengan peralatan yang minimum. Pertolongan Cemas (PC) ialah bantuan atau rawatan pertama yang diberikan kepada mangsa kecederaan atau kemalangan atau orang yang diserang oleh penyakit dengan tiba-tiba. Pemberi dan penerima PC haruslah ingat bahawa PC lebih merupakan rawatan sementara sahaja sebelum rawatan sewajarnya daripada doktor atau ahli perubatan diperolehi.

TUJUAN PERTOLONGAN CEMAS

1. Menyelamatkan nyawa sebelum rawatan perubatan tiba.
2. Mencegah mangsa daripada menjadi semakin teruk.
3. Membantu mangsa supaya pulih, jika boleh.
4. Memastikan tiada lagi bahaya atau bahaya selanjutnya kepada mangsa dan orang lain.

PETI PERTOLONGAN CEMAS

Peti pertolongan cemas ialah peti yang lengkap mengandungi ubat-ubatan serta peralatan perubatan yang asas yang boleh dibeli di farmasi. Peti ini patut diletakkan di tempat yang kering dan selamat, jauh daripada kanak-kanak. Setiap ubat yang ada perlu dilabel dengan jelas jenis dan kegunaannya dan kandungannya perlu diperiksa setiap 6 bulan sekali. Setiap rumah perlu ada peti pertolongan cemas. Begitu juga premis-premis yang lain seperti sekolah, kilang, hotel dan kawasan rekreasi. Ia juga patut disediakan di dalam kenderaan terutama sekali pengangkutan awam seperti bas, teksi, kapal terbang dan sebagainya.

Antara senarai peralatan asas yang perlu ada ialah:

1. Dresing steril - beberapa saiz.
2. Plaster - beberapa saiz.
3. Bendej tiga segi (kain anduh)
4. Pembalut kain kasa (bendej penggulung)
5. Larutan Flavin (Iodin)
6. Larutan atau krim antiseptik
7. Gunting kecil



Lembaran Kerja 1

Nama : _____

Hari : _____

Tahun : _____

Tarikh : _____

Padankan perubahan yang berlaku pada ubat yang tidak boleh digunakan lagi.

tarikh luput

berubah warna

rupa

tamat tempoh

bau

masam

rasa

busuk

warna

berubah



Lembaran Kerja 1

Nama : _____

Hari : _____

Tahun : _____


Tarikh : _____

Kenali Ubat

Tahukah
adik
jenis-jenis
ubat?



c a r



k p l



p l



k m

Pertolongan cemas ialah bantuan segera atau rawatan kecemasan yang diberikan untuk orang yang tercedera sebelum mendapatkan bantuan atau perawat yang bertauliah. Ia biasanya terdiri dari satu siri teknik yang boleh dilakukan, walaupun tanpa latihan perubatan, oleh hampir semua orang dengan peralatan yang minimum. Antara peralatan yang umumnya ialah peti pertolongan cemas.



Oleh yang demikian adalah suatu kewajiban bagi ahli sukarelawan menyelamat khususnya utk mengetahui isi kandungan di dalam peti pertolongan cemas.

BIL	PERKARA	KEGUNAAN
1.	Triangular bandage (kain anduh)	Untuk mengampuh bahagian kecederaan/kepatahan, membalut luka/ pendarahan yang didapati ada kepatahan tulang
2.	Sterile eye pad	Melindungi mata yang tercedera/ terkena bendasing
3.	Non-sterile gauze Sterile gauze	Melakukan pencucian/pembebat luka Membuat balutan/memberi tekanan pada perdarahan dan menstabilkankepatahan
4.	Elastic bandage/crepe bandage Roller bandage	Menstabilkan kecederaan/ kepatahan/ untuk membalut luka dan jugakecederaan ringan eg. dislocation(terseliuh)
5.	Glove-disposable/nonsterile	Melindungi diri dari sebarang cecair badan/sumber jangkitan
6.	Scissor	Memotong gauze/bandage
7.	Adhesive tape	Melekatkan balutan dan pembebat
8.	Sterile multi-trauma dressing/ gauze	Melakukan pencucian/pembebatan luka
9.	Alcohol prep pads	Mencuci sebarang bendasing/kekotoran pada luka sebelum membalut.
10.	Cotton buds	Mencuci luka pada kawasan sukar
11.	Acriflavine (ubat kuning)	Untuk antiseptic
12.	Dettol (boleh diganti dengan Normal Saline solution 0.9%)	Antiseptik dan digunakan sebagai cucian luka luar
13.	LMS solution (minyak kuda)	Melegakan kesakitan otot

CPR (Cardiopulmonary resuscitation)



CPR (Cardiopulmonary resuscitation)

Resusitasi kardiopulmonari (Bahasa Inggeris: *Cardiopulmonary resuscitation* **CPR**) adalah prosedur kecemasan yang dilakukan dalam usaha bagi mengekalkan secara manual fungsi otak sehingga langkah selanjutnya dapat dilakukan bagi mengembalikan aliran darah dan pernafasan secara spontan pada seseorang yang jantung berhenti berdegup. Ini ditunjukkan pada seseorang yang tidak bertindak balas dengan berhenti bernafas atau pernafasan tidak normal, sebagai contoh pernafasan sengsara. Ia boleh dilakukan di dalam atau di luar hospital.

CPR membabitkan menekan dada pada sekurang-kurangnya sedalam 5 cm dan pada kadar sekurang-kurangnya 100 kali setiap minit sebagai usaha menghasilkan peredaran buatan dengan mengepam darah melalui jantung secara insani. Tambahan lagi, penyelamat boleh membekalkan pernafasan dengan samaada menghembus ke dalam mulut mangsa atau menggunakan peranti yang menolak udara ke dalam paru-paru mangsa. Proses memberikan pengudaraan luaran dikenali sebagai pernafasan buatan. Cadangan semasa menekankan pemampatan dada berkualiti tinggi melebihi bantuan pernafasan; kaedah CPR dipermudahkan membabitkan pemampatan dada hanya digalakkan bagi penyelamat tidak terlatih.

CPR sahaja tidak mungkin menghidupkan semula jantung, kerana tujuan utamanya adalah memulihkan separa aliran darah beroksigen ke dalam otak dan jantung. CPR boleh menangguhkan kematian tisu serta melanjutkan jendela peluang yang singkat untuk menjayakan resusitasi tanpakerusakan otak yang berkekalan. Pemberian renjatan elektrik kepada jantung (defibrilasi) biasanya diperlukan untuk memulihkan nadi jantung yang berdaya hidup. Defibrilasi berkesan untuk ritma-ritma jantung tertentu sahaja, iaitu fibrilasi ventrikel atau takikardia ventrikel tanpa nadi, bukannya sistol atau aktiviti elektrik tanpa nadi. Bagaimanapun, CPR boleh mencetuskan ritma yang boleh direnjat. CPR biasanya diteruskan sehingga pesakitnya pulih peredaran spontannya (ROSC) atau disahkan mati.

CPR UNTUK DEWASA

Resusitasi Kardio Pulmonari yang awal adalah didalam kitar mandiri kepada mangsa jantung terhenti atau pernafasan terhenti.

CPR termasuk pernafasan bantuan mulut ke mulut atau pernafasan bantuan cara lain. Dan tekanan dada. Dengan cara ini darah yang mengadungi oksigen akan mengalir terus ke otak dan organ-organ yang penting.

Jantung terhenti menyebabkan mangsa pengsan dalam beberapa saat.

Hubungilah sistem rawatan kecemasan dengan segera. Jika cepat melakukan CPR, defibrilasi, mangsa mempunyai peluang untuk dipulihkan.

CPR hanya boleh dilakukan pada 2 perkara.

1. Pernafasan terhenti.
2. Jantung terhenti.

PUNCA PERNAFASAN TERHENTI.

1. Lemas.
2. Keracunan.
3. Tercekik.
4. Tehidu asap beracun.
5. Renjatan elektrik.
6. Strok.

PUNCA JANTUNG TERHENTI.

1. Sakit jantung.
2. Jantung bengkak.
3. Denyutan dan rentak jantung tidak normal.

CPR. TIDAK BOLEH DILAKUKAN.

- >Mangsa telah kaku dan kejang.
- >Mangsa cedera teruk dibahagian dada, leher dan kepala serta muka.
- >Tiada kebenaran waris.
- >Mangsa telah mati.

>Bayi kurang daripada 200gm atau kurang daripada 3 bulan.

APA KAH YANG MENYEBABKAN SALURAN UDARA TERSUMBAT.

Bahaya halangan pada saluran udara amatlah meruncing jika seseorang itu tidak sedar,lebih-lebih lagi jika dia baring dengan muka keatas.

Apabila seseorang itu tidak sedar,otok-otok rahang tenang dan lidah berundur dan menyumbat tekak.Selain itu muntah misalnya akan terkumpul dibelakang tekak yang juga boleh menyumbat saluran udara mangsa.

CPR merangkumi tiga kemahiran penyelamat asas ABCs of CPR.

Airway(saluran pernafasan)

Breathing(pernafasan)

Circulation(edaran darah)

LANGKAH BANTUAN KECEMASAN UNTUK MANGSA KEMALANGAN JALAN RAYA.

1.Pastikan keadaan sekeliling selamat.

2.Panggil mangsa atau tepuk bahu beberapa kali untuk memastikan dia sedar atau tidak.

3.Jika mangsa tidak sedarkan diri ini menandakan keadaan mungkin serius dan hubungi talian 999 untuk mendapat kan ambulan dengan segera.

>Sementara ambulan sampai lakukan langkah 1,2,3 .

>Jika mangsa sedar,cuba berkata sesuatu kepadanya untuk memestikan dia mampu bercakap kerana apabila mangsa bercakap,peredaran udara akan berlaku.maknanya udara akan masuk kedalam paru-paru dan otak.

Jika mangsa tidak sedarkan diri cuba buka saluran pernafasannya dengan mendongakkan kepala ke atas dan lihat tanda pernafasan.

Anda perlu mengosongkan saluran udara mangsa ,mungkin saluran udara tersumbat misalnya oleh gigi yang patah,lumpur,atau muntah.

CPR UNTUK BAYI DAN KANAK-KANAK

CPR UNTUK BAYI (UMUR KURANG DARIPADA 1 TAHUN)

Apabila CPR dilakukan ke atas bayi, perhatian yang lebih diperlukan bagi mengelakkan daripada berlakunya sesuatu yang merbahaya kepada nya. Maka terdapat banyak perbezaan teknik CPR dan rawatan tercekik untuk bayi



A. SALURAN PERNAFASAN (AIRWAY)

- Penilaian : Tentukan tiada respons dengan menggerakkan bahu perlahan-lahan
- Baringkan bayi di atas permukaan yang keras. Ampu kepala dan tengkuknya jika ia perlu dipusingkan
- Buka saluran pernafasan, gunakan teknik dongak-kepala-angkat-dagu(head-tilt-chin-lift). Berhati-hati supaya tidak mendongakkan kepala terlalu jauh ke belakang



B. PERNAFASAN (BREATHING)

- Penilaian : Tentukan tiada pernafasan. sambil memastikan saluran pernafasan sentiasa terbuka, letakkan telinga anda dekat dengan mulut bayi dan perhatikan pergerakan dada, dengar dan rasa pernafasan bayi pada telinga anda. Jika mangsa tersebut masih bernafas dan tiada terdapat tanda-tanda trauma, Baringkan mangsa dalam posisi pemulihan.

- Jika mangsa tiada bernafas, berikan dua pernafasan bantuan perlahan-lahan. Mulut anda menutup mulut dan hidung bayi sekali, sambil memastikan saluran pernafasan sentiasa terbuka. Perhatikan pergerakan dada dengan setiap



pernafasan. Pernafasan perlu diberi untuk 1 - 1 1/2 saat.




C. EDARAN DARAH (CIRCULATION)

Penilaian : tentukan ketiadaan nadi. Rasa nadi brakial di sebelah dalam lengan dengan 2 jari sambil mendongakkan kepala dengan

tangan yang satu lagi.

- Mulakan tekanan dada. Bayang satu garis yang dibuat antara kedua tetek bayi. Letakkan jari hantu dan jari manis disebelah jari telunjuk. Angkat jari telunjuk




Gunakan jari hantu dan jari manis untuk menekan sternum pada tempat tadi. Disebabkan adanya variasi dalam saiz tangan penyelamat dan dada bayi, kaedah di atas hanyalah sebagai panduan. Pastikan jari-jari anda tidak menekan hujung sternum (cuaran xifoid). Tekan sternum sedalam 1/2 hingga 1 inci, sekurang-kurangnya 100 kali seminit, Sambil memberi satu pernafasan bagi setiap 5 tekanan.




- Lakukan 20 kitaran tekanan dan pernafasan bantuan.
 - Minta bantuan sistem rawatan kecemasan dengan membuat panggilan 999 /991
 - Periksa nadi brakial.
- Jika tiada nadi, teruskan tekanan dan pernafasan bantuan.
 - periksa nadi setiap beberapa minit
 - Jika nadi pulih, periksa pernafasan spontan. Jika tiada, berikan 1 pernafasan bantuan setiap 3 saat (20 pernafasan bantuan seminit) dan awasi nadi. Jika bernafas, pastikan saluran pernafasan sentiasa terbuka dan awasi pernafasan dan nadi.

Jenis Balutan Anduh





Pemalut cincin

- Balutan ini digunakan apabila cedera tekena atau tertusuk objek tajam.
- Diperbuat daripada pemalut tirus.
- Digunakan untuk menutup luka.



Anduh kecil/ Anduh pergelangan tangan

- Letakkan tapak tangan yang tercedera di atas kain anduh , kemudian tarik dan letakkan bucu atas kain anduh di atas tangan.
- Silangkan kedua-dua bucu hujung kain anduh di atas dan bawah.
- Ikatkan buku sila kemudiannya diikat pada atas pergelangan tangan.




Anduh besar/ Anduh lengan

- Bucu kain atas anduh hendaklah diletakkan pada siku lengan yang cedera.
- Kemudian ikatan buku sila diikatkan pada atas bahu.
- Bucu atas kain anduh yang diletakkan pada siku tadi boleh dipinkan atau dilipat ke bahagian dalam supaya nampak lebih kemas.



Fungsi:

- mengampu bahagian anggota atas yang luka atau cedera.
- mengurangkan pergerakan serta sakit anggota atas.

Cara melipat dan menyimpan kain anduh.



BUKU SILA (Square / Reef Knot)






- Untuk menyambung dua hujung tali yang sama jenis dan saiz
- Biasanya untuk menyambung tali khemah/bungkusan hadiah/ikatan anduh. Mudah dibuka
- Dikenali juga sebagai 'left over right and right over left'.

2




1 BUKU SILA (REEF KNOT)

- Menyambungkan dua tali (halus) yang sama besar
- Mengikat pembalut segitiga semasa pertolongan cemas
- Senang untuk dibuka



● Balutan Luka Lutut


IKATAN, BALUTAN & ANDUH




IKATAN Simpul Sila

Professionally
coordinates by:
d:lidias
we cater d water

(4) IKATAN, BALUTAN &
ANDUH



SIMPUL MANOK (Clove Hitch)




•Simpul manok biasanya digunakan untuk mengikat benda yang licin seperti kayu, hujung pancang khemah, botol dan sebagainya.

•Ia mudah diikat/disimpulkan dan mudah ditanggalkan/dibuka.

4

3



<http://www.ensiklopediapramuka.com/>






Figure 3-39. Cravat bandage applied to palm of hand (Illustrated A thru F).






Figure 3-41. Cravat bandage applied to knee (Illustrated A thru C).



• Pembalut Cincin

IKATAN, BALUTAN & ANDUH




Professionally
coordinates by:
dalidias
we cater d water

**CARA KAEDAH USUNGAN
MENGUNAKAN SELIMUT
(LANGKAH 3)**



CARA KAEDAH USUNGAN MENGGUNAKAN STRETCHER

Caranya ialah tiga orang pembantu berada disebelah mangsa manakala satu orang berada disebelah satu lagi mangsa. Pembantu akan melutut dengan mengangkat lutut sebelah kanan.




Gambar 4.1 - Berada Disel
Mangsa Menggunakan Penguat






Usungan Tiga Orang



Usungan bertiga



Usungan selanjor bertiga

KAEDAH USUNGAN PENGUSUNG

Usungan kaedah ini memerlukan ramai pembantu dan khususnya dilakukan apabila mangsa tidak dapat bergerak disebabkan patah tulang belakang, leher atau kaki. Kaedah ini juga memerlukan mangsa dipindahkan secara jarak jauh.

Caranya ialah tiga orang pembantu berada disebelah mangsa manakala satu orang berada disebelah satu lagi mangsa. Pembantu akan melutut dengan mengangkat lutut sebelah kanan. Mangsa akan diletakkan ke atas lutut kanan ketiga-tiga pembantu secara serentak, kemudian mangsa akan dipindahkan ke atas usungan.

USUNGAN DENGAN SELIMUT



- Gulingkan mangsa semula di atas selimut dengan perlahan-lahan melepasi gulungan selimut itu.
- Untuk meratakan gulungan selimut itu, gulingkan mangsa ke sebelah.
- Kemudian, gulingkan mangsa semula supaya belakang mangsa di atas lantai.

HUKUMAN KAWAD KAKI

Ketua Skwad

Melapur diri kepada..... – Skwad hendaklah sedia. Hormat – Selamat Pagi Tuan. Pasukandari

berbaris seramai.....orang siap untuk.....(diperiksa/membuat ujian).

Selesai melapur – minta kebenaran menjalankan tugas tuan. Hormat – pusing ke belakang berjalan menuju skuad.




Hukuman.

1. Senang diri
2. Skwad sedia
3. Kekanan Lurus – pandang depan
4. Nombor
5. Bergerak kekanan dalam satu barisan, kekanan pusing
6. Skwad akan mengadap kehadapan, kekiri pusing
7. Bergerak kekiri dalam satu barisan, kekiri pusing
8. Skwad akan mengadap kehadapan, kekanan pusing
9. Skwad akan mengadap kebelakang, kebelakang pusing
10. Skwad akan mengadap kehadapan, kebelakang pusing
11. Bergerak kekanan/kiri dalam satu barisan, kekanan/kiri pusing
12. Dari kanan (kalau kekiri pusing) – Dari kiri (kalau kekanan pusing cepat jalan)
13. Skwad henti
14. Bergerak kekanan/kiri dalam satu barisan kebelakang pusing
15. Dari kanan/kiri cepat jalan
16. Skwad henti (henti ditengah-tengah ketua skuad)
17. Bergerak kekanan/kekiri dalam satu barisan, kebelakang pusing
18. Dari kanan/kiri cepat jalan
19. Skwad henti (henti ditengah-tengah ketua skuad)
20. Skwad akan mengadap kehadapan kekanan/kekiri, kekanan/kekiri pusing
21. Skwad akan mengadap kebelakang, kebelakang pusing
22. Dari tengah cepat jalan
23. Skwad akan mengadap kehadapan, kebelakang pusing

24. Hormat hormat, kehadapan hormat
25. Hentak kaki
26. Skuad henti
27. Skuad akan mengadap kehadapan, kebelakang pusing
28. Dari tengah cepat jalan
29. Skuad henti (berhenti ditengah-tengah skuad)
30. Bergerak kekanan dalam satu barisan, kebelakang pusing
31. Dari kiri perlahan jalan
32. Bergerak kekiri dalam satu barisan, kebelakang pusing
33. Bergerak kekanan dalam satu barisan, kebelakang pusing
34. Skuad henti (berhenti ditengah-tengah skuad)
35. Skuad akan mengadap kehadapan kekiri pusing
36. Bergerak kekanan dalam satu barisan, kekanan pusing
37. Dari kiri cepat jalan
38. Bergerak kekiri dalam satu barisan, kebelakang pusing
39. Tukar langkah masa berjalan, tukar langkah (3 kali berturut-turut)
40. Bergerak kekanan dalam satu barisan, kebelakang pusing
41. Tukar langkah masa berjalan, tukar langkah (3 kali berturut)
42. Hormat selaku terima sijil, kehadapan hormat (2 kali)
43. Skuad henti
44. Skuad akan mengadap kehadapan, kekanan/kekiri pusing
45. Dari kanan cepat jalan
Hentak kaki atau skuad henti
46. Skuad akan mara mengadap dari tengah cepat jalan (langkah sebanyak 14 kali dan henti)
47. kekanan lurus pandang kehadapan.

Penutup

Ketua skuad melapor (Hormat) ujian telah siap – minta kebenaran keluar baris Tuan.



Pemilihan Kawasan/ Tapak Perkhemahan

1. Tanah atau tapak yang rata.

A) Tapak khemah yang rata adalah bertujuan untuk memudahkan pemasangan khemah dan selesa sebagai tempat tidur atau berehat.

B) Sebaik-baiknya walau pun tapak yang rata, cuba elakkan daripada kawasan yang terdapat akar-akar pokok atau batu yang menjadi tapak khemah tersebut.

C) Tapak yang rata juga akan mengelakkan daripada berlakunya air bertakung jika hujan atau bukan sebagai tempat laluan air ketika hujan turun.

2. Berhampiran punca air.

A) Apabila melakukan aktiviti perkhemahan, perkara yang utama harus difikirkan ialah mengenai punca air bersih.

B) Air yang bersih digunakan untuk memasak, membersihkan diri dan sebagainya.

C) Tapak perkhemahan haruslah berhampiran dengan punca air tidak kira sungai, anak sungai, telaga, kolam atau sebagainya tetapi air tersebut hendaklah dipastikan kebersihannya supaya tidak berlaku kejadian tidak diingini seperti sakit perut atau penyakit lain yang boleh dijangkiti melalui air yang tidak bersih.

D) Punca air ini juga seharusnya diketahui dari mana datangnya dan melalui kawasan yang tiada pencemaran.

3. Jauh daripada dahan mati.

A) Pemilihan tapak perkhemahan juga mesti berdasarkan kepada kawasan sekitar, khasnya perlu melihat pokok-pokok yang besar di sekeliling kawasan perkhemahan tiada dahan mati atau ranting yang boleh membahayakan peserta perkhemahan.

B) Ini penting kerana jika berlaku tiupan angin yang kuat atau hujan, ranting serta dahan mati tersebut boleh menimpa khemah dan orang yang terdapat di tapak perkhemahan tersebut.

4. Tapak yang lebih tinggi dari punca air.

A) Pemilihan tempat atau tapak yang tinggi dan rata ini adalah penting untuk mengelakkan daripada dihanyutkan air jika berkhemah di tepi sungai dan air pasang jika berkhemah di pantai.

5. Mudah untuk mendapatkan bantuan.

A) Tapak perkhemahan yang dipilih juga haruslah berdasarkan kepada keadaan tempat yang mudah untuk mendapatkan bantuan jika berlaku sebarang kecemasan.

B) Tapak perkhemahan tersebut mungkin berhampiran kawasan kampung, laluan orang atau mudah dihubungi.

C) Setiap aktiviti perkhemahan juga haruslah dimaklumkan kepada pihak berwajib seperti Polis dan Jabatan Perhutanan.

6. Mudah untuk mendapatkan bahan bakar.

A) Apabila melakukan aktiviti perkhemahan, bahan bakar yang digunakan untuk memasak perlu diambil kira.

B) Jika memasak menggunakan dapur kayu iaitu ranting-ranting mati, tapak perkhemahan yang dipilih mestilah di kawasan yang mudah dan banyak untuk mendapatkan bahan tersebut.

7. Keselamatan kawasan perkhemahan.

A) Keselamatan kawasan perkhemahan adalah penting.

B) Pastikan bahawa kawasan tersebut adalah bukan kawasan binatang buas dan mudah diganggu oleh penceroboh luar.

Keselamatan Khemah

1. Ubat nyamuk tidak dibenarkan dipasang di dalam atau terlalu hampir dengan khemah.
2. Khemah bukan sebagai tempat menjemur atau menyidai pakaian.
3. Tidak dibenarkan memasak di dalam khemah.
4. Digalakkan makan di luar khemah untuk mengelakkan semut atau binatang lain daripada memasuki khemah.
5. Pastikan khemah ditutup jika tiada orang di dalamnya.
6. Pastikan di luar dan dalam khemah sentiasa berkeadaan bersih dan kemas.
7. Merokok adalah di larang sama sekali di dalam khemah.
8. Pastikan khemah yang dipasang adalah kukuh dan selamat untuk digunakan.

Penjagaan Khemah

1. Pasang khemah mengikut prinsip dan teknik yang betul.
2. Bersihkan dan keringkan khemah sebelum ia disimpan.
3. Tidak mencuci khemah dengan menggunakan sabun atau bahan pencuci yang mengandungi bahan kimia.
4. Khemah hendaklah disimpan ditempat yang sesuai dan selamat daripada ancaman haiwan perosak dan di tempat yang kering.
5. Pastikan semua alatan yang digunakan untuk mendirikan khemah diperiksa dan lengkap sebelum disimpan.
6. Peraturan Keselamatan Perkhemahan
7. Setiap peserta perkhemahan mestilah patuh kepada semua arahan keselamatan, kawalan dan penerangan perkhemahan pada setiap masa.
8. Menjaga kebersihan kawasan perkhemahan.
9. Mengutamakan faktor kesihatan dan aspek makanan, minuman, pakaian dan tapak perkhemahan.
10. Berhati-hati melakukan sebarang aktiviti dan sentiasa menghormati serta menghargai kawasan sekitar.
11. Mengamalkan semangat kerjasama, tolak ansur dan kekitaan dalam menghadapi sebarang gangguan keselamatan.
12. Merokok, berjudi, minuman keras adalah dilarang.
13. Mengutamakan aspek keselamatan semasa melakukan semua aktiviti.
14. Memaklumkan kepada ketua pasukan/kumpulan, fasilitator atau kepada pengerusi jawatankuasa perkhemahan jika menghadapi kesulitan seperti masalah kesihatan dan keselamatan.
15. Tiupkan wisel atau membunyikan sesuatu dengan kuat tanpa berhenti sehingga rakan datang membantu jika berlaku sebarang kecemasan.
16. Peserta tidak dibenarkan berenang selain pada waktu yang telah ditetapkan jika berkhemah berhampiran sungai, pantai atau tasik.
17. Dilarang memiliki apa-apa senjata yang merbahaya seperti senjata api, dadah dan alat-alat yang menyalahi undang-undang.
18. Tidak dibenarkan merosakkan atau memusnahkan tanaman dan tumbuhan yang terdapat di sekitar kawasan perkhemahan.

PANDUAN UMUM UNTUK GURU BSMM SEKOLAH

BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(MALAYSIAN RED CRESCENT)

APAKAH YANG DIKATAKAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA?

Bulan Sabit Merah Malaysia ialah salah sebuah persatuan / badan beruniform, perkhidmatan sukarela yang diletakkan di bawah AKTA PARLIMEN NO.47 TAHUN 1965, DAN AKTA PARLIMEN NO.162 TAHUN 1975. Dikelolakan oleh KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT dan ia telah digazetkan oleh kerajaan Malaysia.

BSMM mempunyai prinsip, tujuan, dan matlamat jelas di mana ia bernaung dan bergabung di peringkat antarabangsa di seluruh dunia.

BSMM diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai salah sebuah Badan Beruniform di bawah Gerak Kerja Kokurikulum Pelajaran / Pendidikan badan-badan beruniform Kementerian itu, di samping:

1. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT.
2. KEMENTERIAN KESIHATAN.
3. KEMENTERIAN PELAJARAN.
4. KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI.
5. KEMENTERIAN PETAHANAN.
6. KEMENTERIAN BELIA DAM SUKAN.
7. KEMENTERIAN LUAR NEGERI.
8. KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI (POLIS).

BSMM juga merupakan badan perhubungan, pertolongan, dan perlindungan kemanusiaan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa di seluruh dunia yang bebas serta saksama, ketunggalan dan kesejagatan. Keutamaan kepada kerajaan yang sah, disenaraikan di bawah pertubuhan NGO.

”KEAMANAN MELALUI KEMANUSIAAN”

IKRAR BULAN SABIT MERAH MALAYSIA

“Bahawa kami / ahli Bulan Sabit Merah Malaysia berikrar / taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia / Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong / dan pemerintah-pemerintah di negeri kami / berdasarkan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.

Bahawa kami berikrar / akan sentiasa patuh kepada Perlembagaan / dan Undang-undang Bulan Sabit Merah Malaysia / dan Undang-undang yang lain / dan arahan walaupun di mana jua kami berada.

Bahawa kami berikrar / akan sentiasa memberi khidmat sukarela kami / kepada mereka yang sakit dan menderita / diwaktu aman dan bencana / berdasarkan kepada prinsip Bulan Sabit Merah Malaysia / seperti:

KEMANUSIAAN / KESAKSAMAAN / BERKECUALI / KEBEBASAN / KHIDMAT SUKARELA / KETUNGGALAN / KESEJAGATAN”

KAWAD

SYARAT : Boleh memberi 25 perintah kawad dari 47 hukuman yang ditetapkan dan menunjukkan kawad berdasarkan arahan yang diberi.

RUJUKAN : Hukuman kawad seperti di Lampiran 1 kepada Kembaran F.

JURULATIH : Anggota Angkatan Tentera (yang mempunyai tauliah perlantikan dari PBSMM).

Jurulatih PBSM atau Guru Pemimpin yang berkeelayakan.

PEPERIKSAAN : Boleh mengendalikan perbarisan (seksyen) dengan hukuman-hukuman yang dinyatakan.

SEJARAH

Pendahuluan

Sudah melebihi 130 tahun lamanya, Palang Merah yang kini wujud hampir dalam semua negara di dunia ini, telah berdiri teguh sebagai sebuah organisasi bantuan dalam masa perang atau aman, meluaskan aktiviti dalam berbagai bidang dan menyatu

kan berbagai-bagai manusia..

Pertempuran

Idea Palang Merah tercetus dalam hati dan pemikiran seorang anak muda berbangsa Swiss bernama Henry Dunant semasa beliau berada di Medan Pertempuran di Solferino, di Utara Itali dalam bulan Jun 1859.

Pada 24 Jun 1859, bala tentera dari Austria dan tentera Perikatan Perancis – Sardinia telah bertempur sepanjang hari berhampiran dengan Solferino, sebuah kampung di utara Itali. Ramai yang tercedera - lebih kurang 40 000 terkorban, tercedera atau hilang. Pada ketika itu, perkhidmatan perubatan tentera belum lagi wujud untuk memberi bantuan; doktor dan jururawat lazimnya dianggap sebagai kombatan dan biasanya ditembak ataupun dijadikan tawanan perang. Merata-rata didapati penderitaan dan kesengsaraan dan ramai yang tercedera dan mati akibat tidak mendapat rawatan.

Mereka yang tercedera telah dibawa ke kampung-kampung yang berdekatan untuk mendapat apa jua rawatan. Di sebuah gereja di Castiglione, Henry Dunant (yang berpakaian putih) yang terpegun dan ngeri melihat penderitaan anggota-anggota tentera yang tercedera, mula melancarkan pertolongan dengan bantuan penduduk-penduduk setempat. Bantuan diberikan tanpa mengira pakaian seragam dan bangsa mereka, hanya menganggap mereka sebagai anggota-anggota yang menderita tanpa senjata yang memerlukan pertolongan. Dunant sedih melihat pembunuhan yang berlaku, jeritan kesakitan daripada mereka yang tercedera dan keadaan penderitaan orang-orang tawanan perang.

Kenangan di Solferino

Sekembali di Switzerland, Henry Dunant menumpukan tenaga dan masanya kepada kejayaan suatu impian untuk memastikan bahawa penderitaan yang ngeri yang telah disaksikannya itu tidak akan berulang lagi. Beliau menulis “Kenangan di Solferino”, sebuah buku yang membawa kesan yang mendalam. Ia merupakan permulaan kepada suatu usaha kemanusiaan yang tidak pernah wujud sebelumnya. Buku tersebut yang diterbitkan pada bulan November 1862 telah “mencuit perasaan dan hati kecil insan didunia”.

Satu Tanda Sejarah

Dunant mendapati bahawa Geneva merupakan tempat yang sesuai untuk memulakan kegiatan kemanusiaannya. The Societe Genevoise d'Utilite Publique yang dipengerusikan oleh Gustav Moynier seorang peguam muda, telah menunjukkan minatnya terhadap saranan yang dikemukakan oleh Dunant. Bersama-sama Dunant, Guillaume – Henri Dufour, Louis Appia dan Theodore Mounior, Gustav Moynier dengan tidak berlelah lagi mula menubuhkan Jawatankuasa Antarabangsa bagi membantu mereka yang tercedera.

Jawatankuasa ini kemudiannya dikenali sebagai Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (Internasional Committee of the Red Cross – ICRC). Jawatankuasa ini telah bertindak tegas: walaupun sebagai sebuah pertubuhan persendirian, ia muncul dalam arena antarabangsa dengan mengadakan satu persidangan wakil-wakil negara.

Delegasi tidak rasmi daripada 16 buah negara telah bermesyuarat di Geneva daripada 26 hingga 29 Oktober 1863 dan bersetuju meluluskan Revolusi Jawatankuasa Geneva. Negara-negara tersebut bersetuju mewujudkan pertubuhan-pertubuhan persendirian yang berkenaan di negara mereka masing-masing bagi membantu tugas-tugas perkhidmatan perubatan tentera. Kemudian status berkecualian bagi mereka yang tercedera dan juga yang merawat dan menjaga mereka, telah dimaktubkan dalam satu surat cara diplomatic. Pekerja-pekerja bantuan dan alat-alat perubatan mereka akan dilindungi oleh sebuah lambang khas: Palang Merah yang berlatarbelakangkan putih.

Lambang ini muncul di medan pertempuran tidak beberapa lamanya kemudiannya. Dalam bulan Februari 1864, peperangan meletus di antara Prussia dan Denmark. Jawatankuasa tersebut menghantar Dr. Louis Appia untuk bertugas dengan tentera Prussia. Palang Merah pada kain pergelangan tangannya telah membantu pergerakannya di medan peperangan. Walau bagaimanapun, pertubuhan-pertubuhan yang telah ditubuhkan di beberapa buah negara hasil daripada persidangan tahun 1863, terutama di negara Jerman, telah menghadapi beberapa masalah di medan perang. Tugas-tugas mereka memerlukan pengiktirafan secara rasmi. Ini hanya dapat dilakukan dengan mengadakan suatu persidangan yang dihadiri oleh wakil-wakil kerajaan negara yang diberi kuasa untuk melibatkan diri bagi pihak negara masing-masing.

Oleh yang demikian, pada bulan Ogos 1864, Kerajaan Switzerland di atas gesaan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, telah mengadakan satu "persidangan Diplomatik" di Geneva yang dihadiri oleh wakil-wakil daripada 12 buah negara. Konvensyen Geneva bagi memperbaiki keadaan tentera yang cedera di medan pertempuran telah ditandatangani pada 22 Ogos 1864 oleh wakil-wakil 12 buah negara tersebut dan disusuli oleh negara-negara lain kemudiannya.

Kemunculan Konvensyen Geneva yang pertama itu membuka satu lembaran penting dalam sejarah manusia. Sebelum itu, peperangan dan undang-undang sesuatu yang tidak dapat diselaraskan. Konvensyen Geneva yang pertama menunjukkan bahawa undang-undang boleh dikuatkuasakan walaupun dalam masa perang dan mengenakan peraturan-peraturan kemanusiaan yang tertentu kepada anggota-anggota kombatan.

Persidangan tersebut juga mengesyorkan satu rancangan yang istimewa untuk mendapatkan perlindungan antarabangsa bagi mereka yang tercedera, hospital tentera, dan anggota-anggota perubatan. Syor-syor ini telah diterima pakai dalam Konvensyen Geneva. Konvensyen tersebut mengandungi 10 artikel dan mengenakan apa-apa yang dipanggil Dunant "Keberkecualian". Doktor dan jururawat tidak lagi dianggap sebagai anggota kombatan dan tidak boleh ditawan. Anggota-anggota awam yang memberi bantuan kepada mereka yang tercedera haruslah dihormati. Anggota-anggota tentera yang tercedera atau sakit hendaklah dilayan tanpa mengira bangsa mereka. Ambulan tentera dan hospital-hospital diiktiraf sebagai berkecuali. Lambang Palang Merah dijadikan suatu simbol istimewa yang memberikan kekebalan daripada serangan.

Konvensyen tahun 1864 merupakan asas bagi kerja-kerja kemanusiaan dalam masa perang di antara Perancis dan Prussia pada tahun 1870-1871, Perang Sepanyol – Amerika tahun 1898, dan Perang Russia – Jepun tahun 1904. Dalam jangkamasa selepas Konvensyen Geneva Pertama ditandatangani, Palang Merah sering dijemput untuk bertugas di medan perang. Pertubuhan tersebut juga mengadakan persidangan-persidangan yang mengumpul delegasi-delegasi daripada Pertubuhan-pertubuhan Kebangsaan, dari JAPM (ICRC), dan wakil-wakil negara yang menjadi pihak kepada Konvensyen Geneva. Tujuan persidangan-persidangan tersebut adalah untuk mencadangkan penerimaan pakai rukun-rukun antarabangsa yang baru yang berasaskan kepada pengalaman.

Persidangan pertama diadakan di Paris dalam tahun 1867 : berikutnya diadakan di Berlin (1869), Geneva (1884), Karlsruhe di Rome (1892), Vienna (1897), dan Saint Petersburg (1902). Pengasas-pengasas Palang Merah ini bertugas mewujudkan Persatuan-persatuan Kebangsaan yang baru. Mereka menubuhkan 22 Persatuan Kebangsaan dalam masa 10 tahun yang pertama. Semua Negara di Eropah, termasuk Russia dan Turki, bersetuju menerima Konvensyen tahun 1864.

Pada tahun 1867, semasa berperang dengan Russia, Turki telah memberitahu Kerajaan Swiss sebagai penjaga Konvensyen Geneva, bahawa ia akan menggunakan untuk ambulansnya lambang bulan sabit merah sebagai ganti palang merah. Ini telah diikuti oleh kebanyakan negara-negara Islam kemudiannya.

Lambang Pergerakan

1. Lambang Palang Merah dipilih sebagai satu penghargaan kepada Switzerland (Palang Merah yang berlatarbelakangkan adalah warna-warna bendera Kebangsaan Swiss yang terkalih), telah diwujudkan dengan satu tujuan yang tertentu : untuk menentukan perlindungan bagi mereka yang tercedera di masa perang dan anggota-anggota yang menjaga dan merawat mereka. Apa jua penyalahgunaan lambang ini seperti yang termaktub dalam Konvensyen Geneva (seperti mengangkut tentera dalam ambulans, mengibar bendera palang merah di atas tempat simpanan peluru...) akan menimbulkan bencana

pada sistem keseluruhannya dan merupakan suatu pelanggaran yang serious terhadap Undang-undang Antarabangsa.

2. Pada bulan November 1876, Turki yang sedang berperang dengan Russia selama enam bulan, tiba-tiba mengumumkan kepada Majlis Persekutuan Swiss, sebagai penjaga konvensyen Geneva, bahawa lambang palang merah menghina kepercayaan agama anggota-anggota tenteranya dan oleh yang demikian, mereka akan menggunakan lambang bulan sabit merah untuk perkhidmatan ambulans mereka.

3. Langkah tersebut telah diikuti oleh banyak negara-negara Arab atau negara-negara yang mempunyai ramai penduduk muslim. Dua puluh enam buah negara sekarang menggunakan lambang bulan sabit merah untuk menandakan orang-orang dan barang-barang yang dilindungi oleh Konvensyen Geneva. Begitu juga dengan Persatuan Kebangsaan mereka yang menggunakan nama Persatuan Bulan Sabit Merah. Kedua-dua lambang ini, Palang Merah dan Bulan Sabit Merah dilindungi oleh Konvensyen Geneva sejak tahun 1929. Walau bagaimanapun, negara-negara hendaklah memilih lambang mana yang digunakan dalam sesuatu persidangan diplomatic.

4. Negara-negara yang menandatangani Konvensyen Geneva mestilah mengawal penggunaan lambang tersebut. Ia hanya boleh dipamerkan di atas kenderaan, kapal terbang, kapal laut, bangunan dan pembinaan dan juga oleh orang-orang yang ditugaskan untuk menjaga dan mengangkut mereka yang tercedera akibat perang. Justeru itu, adalah dilarang menggunakan lambang ini bagi tujuan perniagaan dan publisiti.

5. Walau bagaimanapun, ada suatu pengecualian : Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah adalah dibenarkan menggunakan lambang ini untuk mengenalpasti bangunan-bangunan, barang-barang dan kenderaan-kenderaan kepunyaan mereka.

6. Anggota mereka sering memakai pakaian seragam dan insignia yang menggunakan lambang tersebut. Dalam hal ini, lambang tersebut mestilah kecil, supaya tidak terkeliru dengan lambang perlindungan pada masa perang.

7. Pada tahun 1923, Iran menggunakan lambang yang lain : Singa Merah dan Matahari. Walau bagaimanapun, pada tahun 1980, ianya telah digantikan dengan Bulan Sabit Merah.

(Petikan daripada Booklet 'F' – The International Red Cross and Red Crescent Movement).

Penggunaan Lambang

Untuk menentukan bahawa lambang Palang Merah atau Bulan Sabit Merah digunakan sebagai lambang pelindung dan pada masa yang sama boleh juga digunakan oleh Persatuan Kebangsaan sebagai Lambang Persatuan, satu sistem bagi melindungi penggunaan lambang telah ditetapkan oleh Konvensyen Geneva tahun 1949.

Peraturan-peraturan ini telah diperluaskan lagi oleh Protokol I tahun 1977 adalah berdasarkan kepada perbezaan penggunaan lambang sebagai tujuan pelindung (protective) dan sebagai tujuan pengenalan (indicative).

Penggunaan Sebagai Pelindung (Protective Use) Sebagai alat pelindung, lambang ini digunakan dalam masa perang untuk melindungi anggota-anggota atau alat-alat seperti anggota-anggota perubatan, bangunan kenderaan dan sebagainya. Pada umumnya, penggunaan cara ini adalah hak sesebuah negara dan perkhidmatan perubatan tentera mereka.

Selain daripada perkhidmatan perubatan tentera, Persatuan Kebangsaan yang membantu perkhidmatan perubatan ketika dalam masa perang juga berhak menggunakan lambang tersebut sebagai lambang pelindung tetapi dalam masa perang sahaja.

Penggunaan lambang sebagai alat pelindung juga boleh digunakan oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) dan Persekutuan (IFRC), dan anggota-anggota mereka, sama ada bagi tujuan perubatan atau sebaliknya. Mereka boleh menggunakannya sebilang masa.

Apabila digunakan sebagai alat pelindung, lambang tersebut hendaklah besar saiznya bersesuaian dengan bangunan atau kenderaan yang menggunakan, supaya ianya jelas kelihatan dari jauh. Seumpama lambang pelindung yang dipaparkan di atas bumbung hospital, di atas dek atau disebelah tepi kapal hospital dan di sebelah tepi kenderaan yang mengangkut orang-orang sakit.

SEJARAH PBSM DI MALAYSIA

Kelahiran Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) mempunyai urutan sejarah sebelum merdeka. Palang Merah telah pun wujud di Persekutuan Tanah Melayu di bawah penjajahan British sebagai "a branch of the British Red Cross". Peperangan Dunia Kedua dan waktu pemerintahan Jepun telah memusnahkan beberapa kawasan di dalam negara kita dan ramai rakyatnya hidup dalam kemiskinan dan penderitaan.

Laporan tahunan Persatuan Palang Merah British bagi tahun 1945 dalam perenggan penutup dan mencatatkan:

" Kerana akibat peperangan, Borneo Utara adalah kawasan yang teruk dilanda kemusnahan di Tenggara Asia dan penduduknya menanggung derita yang amat sangat semasa pemerintahan Jepun. Oleh yang demikian, peluang bagi aktiviti-aktiviti palang Merah adalah banyak dan sekarang oleh kerana asasnya telah diwujudkan, adalah diharapkan bahawa ianya akan berkembang dalam tahun-tahun akan datang " .

Cawangan Sabah

Bukti-bukti dokumen yang ada dalam arkib Persatuan Palang Merah British menunjukkan bahawa cawangan pertama Palang Merah adalah di Sabah iaitu ditubuhkan pada bulan April 1948.

Cawangan Sarawak

Palang Merah pertama ditubuhkan dalam bulan April / Mei tahun 1948, walaupun mengikut rekod satu permohonan rasmi mewujudkan cawangan Palang Merah di Sarawak ialah dibuat lebih awal iaitu pada bulan Februari 1948.

Cawangan Semenanjung Malaysia

Unit Palang Merah yang pertama ditubuhkan di Pulau Pinang dalam tahun 1950, yang kemudiannya menjadi satu cawangan. Dalam bulan Februari 1951, Cawangan Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan dengan bantuan Miss Jordan dan Miss Johnson serta dua orang pegawai medan Palang Merah British. Manakala Palang Merah Pahang telah ditubuhkan pada tahun 1952.

AKTA PERTUBUHAN

Bulan Sabit Merah Malaysia adalah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen adalah seperti berikut :

1. Apabila Malaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, tidaklah sesuai lagi Persatuan Palang Merah di Semenanjung bertaraf cawangan sahaja dan ibu pejabatnya jauh di London. Satu Akta Parlimen telah digubal dan diluluskan pada tahun 1962 iaitu Federation of Malaya Red Cross Society (Incorporation) Act of Parliament (Act No 4 of 1962) dan dikuatkuasakan pada 16 April 1962.
2. Apabila Malaya di tukar nama kepada Malaysia dan penggabungan Sabah dan Sarawak dibawahnya telah diubah dan diluluskan pada tahun 1965 iaitu Malaysian Red Cross Society (Incorporation) atau Persatuan Palang Merah Malaysia (Perbadanan) (Law of Malaysia Act 540) di seluruh Malaysia pada 1 Julai 1965.
3. Pada tahun 1975, satu pertukaran nama telah diluluskan iaitu Malaysian Red Crescent Society (Change Of Name) atau Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Pertukaran Nama) Akta ke-162 tahun 1975 (Laws of Malaysia, Act 162).